

25/02/1997

Jangan politikkan isu gejala sosial

SEREMBAN, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan pihak-pihak tertentu tidak mempolitikkan isu gejala sosial yang melanda golongan remaja di negara ini.

Menurut Perdana Menteri, isu gejala sosial tidak harus dipolitikkan oleh sesiapa tanpa mengambil tahu masalah itu secara menyeluruh. Sebaliknya, apa yang patut dilakukan ialah berusaha bersama mengatasinya.

Beliau berkata, walaupun kerajaan tidak menuduh sesiapa dalam menangani isu berkenaan, ia perlu menjelaskan bahawa ramai orang Melayu Islam terbabit dalam masalah ini berbanding bukan Melayu.

Bagaimanapun, katanya, ada pihak di salah sebuah negeri dengan angkuhnya mendakwa mereka tahu hendak mengatasi masalah itu walaupun dengan masalah penyalahgunaan dadah, Aids dan kegiatan tidak baik lebih teruk di negeri itu.

"Jadi jangan angkuh dan kata kita saja pandai, orang lain bodoh. Sepatutnya kita sama-sama atasi kelemahan yang ada. Umno dan Barisan Nasional (BN) tak kata kita saja yang tahu atasi masalah ini.

"Kita hendak tengok orang yang tahu itu apa yang dia boleh buat. Dalam menghadapi masalah ini, kita tak mahu politik dimasukkan tetapi kita hendak bekerjasama dengan sesiapa saja," katanya ketika berucap di jamuan tengah hari bersama pemimpin BN dan ketua-ketua jabatan kerajaan, di sini hari ini.

Kerajaan Pas Kelantan baru-baru ini mendakwa gejala sosial di negeri itu adalah warisan kerajaan BN.

Dr Mahathir yang dalam rangka lawatan sehari ke negeri ini berkata, kerajaan sedia bekerjasama dengan mana-mana pihak termasuk parti pembangkang dalam usaha mengatasi gejala sosial.

Menurutnya, masalah sosial bukan perkara yang harus dipolitikkan kerana ia memerlukan kerjasama semua pihak untuk membanterasnya termasuk pihak pembangkang.

Perdana Menteri juga berkata, rakyat perlu mengekalkan suasana harmoni dan kestabilan politik kerana ia adalah asas penting bagi menjamin sebuah kerajaan meneruskan segala rancangan pembangunannya.

Beliau mengingatkan parti BN jangan terikut-ikut dengan gelagat pihak tertentu yang sengaja membangkitkan isu semata-mata untuk mendapatkan populariti.

Selain itu, mereka juga janganlah keterlaluan menuntut sesuatu daripada kerajaan kerana apa yang diminta tidak semuanya boleh dipenuhi. Apa yang penting ialah pengagihannya mestilah adil.

(END)